

**UPM Tingkat Kesedaran Kebajikan Haiwan**

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Dato' Dr. Abd. Aziz Jamaluddin ketika menyampaikan ucaptama.

**PUTRAJAYA, 7 Dis** – Perubahan cuaca, peningkatan populasi dan peningkatan gaya hidup merupakan cabaran utama menangani kebajikan haiwan dan kebergantungan manusia terhadap haiwan.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Dato' Dr. Abd. Aziz Jamaluddin berkata dalam menghadapi cabaran itu, ilmu dan perkhidmatan perlu ditingkatkan dengan belajar daripada negara-negara serantau untuk memastikan kebajikan haiwan terjamin agar keselamatan manusia juga turut terpelihara.

"Kerjasama dengan modul negara yang berjaya perlu kerana kesedaran yang tinggi mampu menjamin kebergantungan manusia terhadap haiwan sebagai sumber makanan, kehidupan sehari-hari dan rekreasi," katanya ketika memberi ucaptama yang bertajuk '*Meeting The Challenges of Animal and Human Health Together In Malaysia*' pada majlis perasmian '*International Conference On Animal Health and Human Safety*'.

Persidangan yang berlangsung di IOI Palm Garden, Putrajaya tersebut merupakan anjuran Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia dan Fakultas Kedokteran Haiwan, Universiti Airlangga, Indonesia.

Sementara itu, Naib Canselor UPM Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah mengingatkan para peserta bahawa tanggungjawab mereka yang terlibat dalam bidang veterinar semakin besar kerana setiap tindakan yang diambil mampu memberi impak terhadap kehidupan sejagat.



Peserta sedang melihat sebahagian pameran yang terdapat pada persidangan.

"Persidangan ini seharusnya menjadi wadah berguna kepada semua peserta dalam mencari penyelesaian terhadap kebajikan haiwan yang semakin terancam dan keselamatan manusia yang turut terencat.

"Kebergantungan antara manusia dan haiwan amat jelas dalam kehidupan sehari-hari kerana kehidupan manusia akan turut terjejas jika kesihatan haiwan terancam sehingga tersebarnya penyakit-penyakit berbahaya seperti SARS, H1N1 dan lain-lain," katanya.

Persidangan yang melibatkan pembentangan kertas kerja tersebut akan turut disertai oleh peserta-peserta dari Indonesia, Thailand, Myanmar, Pakistan dan Libya.



*Sebahagian peserta antarabangsa yang terlibat.*

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan UPM.**